

15/02/2003

Malaysia bekal air hingga kiamat'

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memberi jaminan kepada

Singapura dan rakyatnya Malaysia akan terus membekalkan air ke republik itu sehingga `hari kiamat' tetapi dalam bentuk air yang telah dirawat.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mempunyai bekalan air mencukupi dan

akan membekalkannya kepada Singapura jika republik itu sanggup membayarnya

pada harga berpatutan.

Beliau berkata, air yang telah dirawat itu akan dibekalkan kepada Singapura sebaik saja tamatnya dua perjanjian air antara kedua-dua negara, masing-masing pada tahun 2011 dan 2061.

"Sebagai perdana menteri yang disusuli perdana menteri lain (selepas ini), akan berpegang kepada janji negara ini. Saya memberi jaminan kepada

rakyat Singapura bahawa kita akan bekalkan air kepada mereka untuk selama-lamanya.

"Kita akan bekalkan air yang sudah ditapis kepada Singapura sehingga kiamat," katanya berucap di majlis Muhibah Bersama Rakyat sempena upacara

pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu dan projek perumahan rakyat di Bukit Chagar, di sini, semalam.

Dr Mahathir menyatakan komitmen itu bagi meredakan kerisauan Singapura,

Malaysia tidak mahu lagi membekalkan air ke republik itu selepas perjanjian bekalan air kedua-dua tamat pada 2061.

Beberapa rundingan berhubung isu berkenaan sebelum ini menemui jalan buntu apabila Singapura berkeras mahukan ia diadakan secara pakej merangkumi perjanjian bekalan air ke republik itu selepas perjanjian sedia

ada tamat pada 2061.

Bagaimanapun, Malaysia berpendirian isu harga air yang sepatutnya dikaji

selepas 1985, diselesaikan dulu sebelum rundingan bekalan air seterusnya dibincangkan.

Perdana Menteri bagaimanapun menegur sikap Pemuda Parti Tindakan Rakyat

(PAP) Singapura yang bercakap mengenai peperangan sebagai cara menyelesaikan pertikaian isu perjanjian bekalan air.

"Kami bukan agresif, kami bukan bongkak, jadi Pemuda PAP tidak usah cakap pasal perang... kita tak nak perang dengan dia (Singapura).

"Janganlah sesiapa fikir cara untuk menyelesaikan pertikaian antara dua

jiran daripada satu keluarga ini dengan peperangan, tidak guna menggunakan

peperangan kerana kita semua akan binasa.

"Bukan saja orang Johor akan binasa, orang Singapura pun binasa juga kalau dilontar roket dan bom dan sebagainya dengan cara kononnya nak menyelamatkan bekalan air kepada Singapura," katanya.

Beliau berkata, Singapura perlu berhenti bercakap mengenai peperangan kerana Malaysia memahami Singapura adalah jirannya dan negara ini berusaha menjadi jiran yang baik kepada republik itu.

Malaysia, katanya, tidak mahu memutuskan `talian' dengan Singapura kerana rakyat republik itu adalah "adik beradik kita juga, saudara mara kita, hanya mereka tinggal di sebelah sana Selat Tebrau".

"Kita sayang mereka. Kita mahu mereka melawat Johor, melawat Malaysia.

"Kita tidak marahkan orang Singapura. Selamat datang orang Singapura, kami menyayangi anda pada Hari Memperingati Kekasih ini," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin pada majlis itu.

Beliau berkata, sepanjang tahun lalu, kira-kira 10 juta rakyat Singapura menyeberangi Tambak Johor untuk melawat Johor dan negeri lain di Semenanjung, termasuk kira-kira tujuh juta yang bermalam di negara ini sekurang-kurangnya semalam.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri kesal kerana masih ada setinggan di Johor Bahru walaupun taraf hidup penduduk bandar raya ini meningkat dengan pesat sehingga mencapai tahap kedua selepas Kuala Lumpur.

"Terang-terang saya katakan saya benci kepada setinggan, saya tidak mahu melihat mereka terus menjadi setinggan. Sebab itu, kita (kerajaan) sanggup mengadakan rancangan perumahan bagi setinggan supaya mereka tidak lagi menjadi setinggan.

"Kerajaan akan bangunkan kawasan setinggan dengan cara tertib dan teratur yang bertaraf tinggi, tidak lagi seperti pondok-pondok setinggan.

Mereka akan hidup sempurna di dalam kawasan yang dibangunkan dengan baik," katanya.

Sehubungan itu, beliau amat berharap, satu masa nanti kerajaan dapat menghapuskan semua setinggan di negara ini dan akan memastikan keluarga setinggan akan hidup sempurna seperti rakyat lain.